

Kendiri Padanan70 2026

KENDIRI PADANAN70 2026 merupakan pembiayaan padanan caruman bagi Pelan Caruman 2 (RM232.80) kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mencarum di bawah sektor bukan mandatori dan pertama kali mencarum dalam LINDUNG Kendiri

Kerajaan akan membiayai sebanyak 70% (RM162.80) manakala baki 30% (RM70.00) akan dibiayai oleh OBS bagi mendapatkan perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan MADANI 2026.



Kendiri Padanan70 2026






Sektor Bukan Mandatori

Pertanian	Pemprosesan Data
Penternakan	Perkhidmatan Profesional
Perhutanan	Perkhidmatan Sokongan
Perikanan	Kesenian
Perniagaan Online	Pembuatan
Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan	Pembinaan
	Makanan
Teknologi Maklumat	Ejen
Premis Penginapan	Perkhidmatan Isi Rumah




11 Kategori Kumpulan Sasaran

- KENDIRI Agro 2026
- KENDIRI Lain Upaya 2026
- KENDIRI Asal 2026
- KENDIRI Seni 2026
- KENDIRI Sukan 2026
- KENDIRI Didik 2026
- KENDIRI Servis 2026
- KENDIRI Pelancongan 2026
- KENDIRI Pemimpin Masyarakat 2026
- KENDIRI Pekhidmat Rumah Ibadat 2026
- KENDIRI Sukarelawan 2026

Syarat Kelayakan

-  Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tanpa mengira had umur
-  Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
-  OBS yang bekerja di Malaysia
-  OBS yang bekerja dalam sektor bukan mandatori
-  OBS belum pernah mendaftar di bawah Inisiatif Belanjawan 2026. Seorang OBS layak untuk menerima hanya satu (1) Inisiatif Belanjawan 2026 sahaja

Dokumen Sokongan

-  Salinan kad pengenalan
-  Surat pengesahan pekerjaan daripada agensi atau pihak berkuasa yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor
-  Sebarang dokumen pembuktian berkaitan pekerjaan sendiri yang dijalankan

Faedah & Manfaat LINDUNG Kendiri

RM70.00 untuk perlindungan setahun



Faedah Perubatan



Faedah Hilang Upaya



Elaun Layanan Sentiasa



Faedah Orang Tanggungan



Faedah Pengurusan Mayat



Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional

Kaedah Permohonan

Permohonan dan bayaran boleh dilakukan di



Portal Prihatin
<https://prihatin.perkeso.gov.my/>



Ejen Korporat SKSPS atau Ejen Individu SKSPS yang sah dilantik oleh PERKESO



Aplikasi Prihatin PERKESO



Kaunter Pejabat PERKESO yang berdekatan

*Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan bayaran 30% (RM70.00) daripada pemohon kepada pihak PERKESO.

Untuk maklumat lanjut:

 1-300-22-8000

 www.perkeso.gov.my

BERKUAT KUASA: 6 APRIL 2026